

Ikan dijangka lagi mahal

BH 15/11/2022 MS: 26

Jumlah pendaratan merosot akibat musim tengkujuh

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi

bhnews@bh.com.my

Bukit Gantang: Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia (LKIM) menjangkakan harga ikan meningkat sekurang-kurangnya dua kali ganda berikutan jumlah pendaratan yang direkodkan di beberapa kawasan mula merosot akibat musim tengkujuh.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata penyusutan pendaratan ikan ketika ini sebabkan harga ikan di pasar mula meningkat.

“Setakat ini memang ada beberapa kawasan yang terjejas dan harga ikan juga berlaku peningkatan di pasaran, namun terkawal.

“Buat masa ini harga ikan masih terkawal dan kita akan mengeluarkan stok ikan sejuk beku untuk menstabilkan pasaran jika musim tengkujuh mula berlaku di Pantai Timur,” katanya ditemui media selepas program Pertandingan Memancing Kelubong Challenge 2.0, kelmarin.

Buat simpanan ikan

Syed Abu Hussin berkata, biasanya harga ikan akan kembali terkawal selepas tamat musim tengkujuh iaitu pada Mei hingga Oktober.

“LKIM menjangkakan musim tengkujuh yang melanda kini akan berlarutan hingga bulan Mac 2023.

“Pada Mei hingga Oktober adalah musim pendaratan ikan yang banyak dan LKIM akan membuat simpanan ikan sejuk beku untuk stok masa depan,” katanya.

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan ikan, LKIM akan meningkatkan import ikan sejuk beku selain galak rakyat makan ikan darat atau ternak.